

KERATAN AKHBAR

ORIENTAL DAILY NEWS

TARIKH: 20 OGOS 2019

MUKA SURAT: A16

PEMERIKSAAN BERKALA INJAP GAS CARA PELIK UNTUK MEMPERBAIKI TONG GAS

[PULAU PINANG] Berikut insiden letupan gas yang berlaku di kompleks perumahan Green Garden, menurut Lee, penjual gas setempat, masalah letupan gas tidak semestinya berpunca daripada tong gas. Ia mungkin berpunca daripada injap gas dan kerosakan dapur gas. Dia akan menasihati pembeli untuk menukar tong gas sekiranya berlaku kerosakan. Namun, ada segelintir pembeli bukan saja enggan berbuat demikian, mereka menggunakan cara pelik untuk memperbaiki tong gas dengan mengikat getah pada injap gas, menekan injap gas dengan bata dan merendam tong gas dengan air panas untuk menaikkan tekanan gas.

Menurut Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Pulau Pinang (JBNPP), jabatan tersebut memulakan siasatan dari aspek struktur keselamatan dan kesesuaian bangunan tersebut. Hasil siasatan menunjukkan bangunan tersebut selamat untuk didiami. Setakat ini, jabatan masih belum mengenal pasti punca kejadian tersebut. Setelah berlakunya letupan, JBNPP telah mengutip sampel dan bukti kejadian dan laporan akan diumumkan seminggu selepas kejadian tersebut.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**